

Headline	FRIM anjur bengkel khas kenali potensi pasaran produk warisan alam		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Dec 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 280
Frequency	Daily	PR Value	RM 840



FRIM anjur bengkel khas kenali potensi pasaran produk warisan alam

KUALA TERENGGANU, Rabu - Dalam usaha memulihara dan menghasilkan pelbagai produk warisan alam untuk tujuan komersial, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan mengadakan bengkel khas sebagai acara tahunannya untuk mengenal potensi pasaran untuk ditembusi.

Bengkel ini bertujuan mengumpul pakar dari FRIM untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam usaha mempromosi reka bentuk kreatif dan inovasi khususnya dalam penghasilan kerja-kerja penyelidikan, pengurusan, pendidikan, seni bina dan teknologi maklumat.

Pengarah Bahagian Perkhidmatan

Teknikal FRIM Dr Khali Aziz Hamzah berkata meskipun mempunyai banyak produk hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan pakar penyelidik, namun kerjasama banyak pihak diperlukan untuk mengomersialkannya.

Terbaharu, katanya, Ketua Unit Reka Bentuk FRIM Dr Abdul Hamid Saleh berjaya mencipta rekaan moden kerusi yang diperbuat daripada buluh, suatu rekaan berinovasi dan kreatif serta memenuhi cita rasa ramai orang.

"Produk ini akan dipasarkan ke Timur Tengah dengan kerjasama sebuah syarikat yang mahu memasarkannya ke kawasan itu secara

besar-besaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel Teknologi Penghasilan Reka Bentuk Inovatif Secara Bersepadu 2013 di sini hari ini.

Lapan puluh peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta menyertai bengkel dua hari itu yang menampilkan 19 pencemarahan dengan pembentangan 19 kertas kerja.

Ketika ini, FRIM mempunyai ladang buluh betung seluas 10 hektar di Pedas, Negeri Sembilan yang akan dikomersialkan apabila perjanjian persefahaman antara FRIM dan syarikat industri itu dimeterai tidak lama lagi.-- Bernama